

# JENDELA pacu pembangunan ekonomi digital negara

Inisiatif tingkat kesalinghubungan, kualiti perkhidmatan komunikasi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Menggalas dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pentadbir bukan mudah, lebih-lebih lagi ketika negara lebih setahun melalui fasa cukup mencabar akibat krisis pandemik.

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan 1 Mac tahun lalu, rakyat melihat sendiri pencapaian Kerajaan Perikatan Nasional (PN), malah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) antara yang tampil dengan pelbagai inisiatif sepanjang tempoh 12 bulan ini.

Paling utama, Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dilancarkan tahun lalu dengan matlamat meningkatkan tahap kesalinghubungan digital serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata JENDELA memperkenalkan rangkaian 4G secara

Setahun  
MALAYSIA  
PRIHATIN

berperingkat bagi menggantikan rangkaian 3G, malah kini menjadi landasan untuk negara beralih kepada 5G pada masa depan.

"Untuk 2021, KKMM menetapkan sasaran menyediakan sambungan talian tetap kepada 7.5 juta premis, meluaskan liputan 4G sehingga 96.9 peratus kawasan berpenduduk, meningkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 35 megabit sesaat (Mbps), selain mengalihkan semua spektrum 3G kepada 4G.

"Segala usaha ini bukan sekadar mempercepatkan setahun lebih awal pelaksanaan 5G seperti diumumkan Perdana Menteri pada 19 Februari lalu, malah lebih utama memacu pembangunan ekonomi digital Malaysia ke arah aspirasi MyDigital menjelang 2030," katanya.

Menyadari ekonomi digital perlu diperkasakan setanding negara maju, kementerian aktif mewujudkan pelbagai program yang berupaya merealisasikan inisiatif ekonomi digital serta Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

Antara program berpapak tinggi dilaksanakan seperti eUsahawan, eRezeki, #MyDigitalMaker, Inisiatif Gerakan #SayaDigital, Perkhidmatan e-dagang Setempat (PeDAS) dan Program Pengupayaan Keusahawanan Digital (MYNIC).

Program eUsahawan sebagai contoh berjaya melatih 41,789 usahawan dan menjana nilai jualan RM65.4 juta. Program eRezeki pula memberi fokus kepada tugas digital dan memanfaatkan Keusahawanan Digital (MYNIC).

Dalam memastikan amalan digital kekal selamat, SKMM turut terbabit secara langsung dalam pembangunan dan pengukuhan aspek keselamatan siber, bagi menjamin infrastruktur maklumat kritikal negara sentiasa dalam kesiapsiagaan, selain kekal selamat dan berdaya tahan.

Saifuddin memaklumkan, SKMM menggerakkan PELINDUNG selaku program advokasi digital pengguna di seluruh agensi, selain pembangunan kapasiti dan keupayaan tenaga mahir bidang keselamatan siber.

Ketika ini, negara mempunyai ramai profesional keselamatan siber dan tenaga kerja berpengetahuan untuk membantu memupuk generasi yang mampu memahami dan menangani ancaman keselamatan siber.

Program pemeraksanaan keselamatan siber lain digerakkan termasuk pembangunan Modul Eti-



Saifuddin melawat kerja naik taraf liputan telekomunikasi di Sekolah Agama Rakyat dan KAFA, FELDA Chini 3, Pekan, tahun lalu. (Foto ihsan KKMM)

ka Siber Nasional (ESN) dan aplikasi 'Cyber Ethics Readiness Index (CERI) untuk menambah bilangan kumpulan sasar yang menerima manfaat program CyberSAFE, selain mewujudkan Data Breach Notification atau Notifikasi Pencerobohan Data (DBN).

SKMM juga dalam proses mendapatkan persetujuan Kabinet mewujudkan Akta Antibuli Siber, yang mana proses persiapan draf itu sedang dilaksanakan.

Mengulas peranan digital dalam sektor industri kreatif, beliau memaklumkan KKMM bertanggungjawab memperkembangkan industri kandungan kreatif menerusi Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA).

Katanya, PRISMA dilancarkan

sebagai usaha membantu penggiat seni dalam menghasilkan karya serta merancakkan semua industri kreatif yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Sejumlah RM89.2 juta diperuntukkan menerusi 32 program merangkumi empat kategori iaitu filem, muzik, kandungan kreatif digital dan seni visual serta persembahan dan kraf.

"Sebanyak RM67.7 juta daripada peruntukan ini membabitkan program berbentuk pemberian geran, manakala RM9 juta dalam bentuk pinjaman dan RM12.5 juta berbentuk slot siaran," katanya.

PRISMA bakal memanfaatkan lebih 9,000 penggiat seni, di samping mewujudkan lebih 40,000 peluang pekerjaan.